PENDAHULUAN.

Kajian ilmiah ini adalah untuk memenuhi syarat bagi mendapatkan ijazah Sarjana Muda Usuluddin sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Pihak Fakulti terhadap mahasiswa tahun akhir Fakulti Usuluddin Akademi Islam Universiti Malaya.

Penulis memilih tajuk ini kerana menyedari akan kepentingan mutu sesebuah ḥadīth terutama untuk dijadikan hujjah, di mana mutu sesebuah ḥadīth antara lainnya bergantung kepada perawinya. Oleh kerana belum terdapat sebarang usaha untuk menjilid kesemua ḥadīth yang diriwayatkan oleh seorang perawi di dalam sebuah buku, maka penulis merasakan perlu dibuat demikian memandangkan begitu sukar untuk mencari sesebuah ḥadīth yang diriwayatkan oleh seseorang perawi yang berselerakan di dalam kitab sunan sebagaimana yang terdapat sekarang.

Dalam menyusun kajian ini penulis menggunakan beberapa keadah tertentu yang akan dijelaskan mengikut bab bab yang terdapat di dalam kajian ini.

Bab Pertama: Kepentingan Hadith Dan Sunnah Di dalam Shariat Islam.

Tajuk ini merupakan satu tajuk yang sangat penting bagi mengulas tajuk pokok bagi kajian ini. Di dalam bab ini penulis merujuk kepada al Qur'an dan Sunnah yang menerangkan tentang tajuk tajuk yang dibincangkan.

Dalam mengulas fungsi hadith terhadap al Qur'an penulis merujuk kepada kitab kitab Mustalah al Hadith dan Hadith Nabawi yang utama. Bagi menguatkan dalil dalil yang diberikan penulis menyertakan hadith hadith yang dirujuk daripada kitab kitab sunan yang utama dan mashur seperti sahih Bukhari, Sahih Muslim dan lain lain lagi.

Bagi memperkuatkan hujjah hujjah yang diberikan penulis juga menggunakan buku buku secondary ia itu buku-buku terjemahan samada yang ditulis dalam bahasa Malaysia ataupun dalam bahasa Indonesia seperti buku Metod Penyampaian Dan Penerimaan Hadith Di zaman Rasulullah (s. a.w.) dan sahabat, Peranan Dan Metodology Hadith dan lain lain lagi.

Bab Kedua: Riwayat Hidup Hafsah Bint 'Umar al Khattāb.

Bab kedua ini sangat penting bagi kajian ini kerana beliau merupakan tokoh utama dalam kajian ini yang meriwayatkan hadith yang meliputi pelbagai bidang. Dalam menjalankan kajian ini penulis menggunakan buku buku sejarah yang utama seperti Usd al Ghābah Fi Ma'rifat al Sahabat, A'lāmu al Nisā, Zaujat al Nabī dan lain lain lagi.

Riwayat hidup beliau adalah meliputi kelahirannya, kehidupannya disamping Rasūlullāh (s.'a.w.) serta keadaannya selepas kewafatan Rasūlullāh (s.'a.w.) membuktikan ketokohannya dan kecintaannya kepada ilmu Allāh.

Di dalam bab ini juga penulis menggunakan beberapa buah buku terjemahan dalam usaha untuk menambahkan maklumat tentang tokoh ini. Dalam beberapa keadaan penulis meminta pertolongan dari kawan kawan di dalam memahami istilah istilah arab kalimat yang sukar difahami

Bab Ketiga: Takhrīj Hadīth hadīth Riwayat Hafsah (r. a.) Di dalam Sunan Sittah Dan Muwatta' Imam Mālik.

di sini dibentangkan hadīth hadīth riwayat Hafsah (r. 'a.) berpandukan kitab ذخائر المواريث yang menjadi sumber utama kepada kajian ini. Memandangkan takhrīj adalah adalah satu bidang yang luas, maka pembatasan kepada kitab ذخائر المواريث amatlah diperlukan. Dengan ini secara tidak langsung kajian ini merupakan sebahagian dari kajian buku .

Di dalam mencari hadīth hadīth, penulis menggunakan kitab kitab hadīth yang utama yang telah disenaraikan oleh ذخائر المواريث seperti kitab Sahīh Bukhārī, Sahīh Muslīm, Sunan Abī Dāwūd, Sunan Tirmidhī, Sunan Ibn Mājah dan dan Muwatta' Imam Malīk.

Di dalam bahagian ini penulis menemui beberapa kesukaran seperti kesulitan mencari hadīth memandangkan ia masih dalam bentuk asal dan terdapat juga hadīth yang berlainan dari sudut lafaz dan susunan kata. Ini menyebabkan proses takhrīj memakan masa yang paling panjang dari kesemua bab yang lain yang terdapat di dalam kajian ini. Walaubagaimanapun adakalanya penulis menggunakan buku معجم الحديث dalam mencari hadīth hadīth yang sukar ditemui.

Bab Keempat: Intisari Hadith hadith Hafsah Di Dalam Sunan Sittah Dan Muwatta' Imam Malik.

Bagi melengkapkan kajian ini penulis menterjemah dan mendapatkan intisari sebuah hadith untuk mendapatkan permasaalahan permasaalahan yang terdapat di dalamnya.

Di dalam menterjemahkan hadith hadith ini penulis menggunakan kamus dan buku buku huraian tentang hadith hadith tersebut.

Beberapa penemuan baru yang ditemui oleh penulis di mana ada kalanya tokoh yang dibincangkan ini mempunyai hadith hadith yang sangat penting yang dijadikan hujjah untuk mengeluarkan hukum.

Kajian ini diikuti dengan kesimpulan yang mengperkatakan tentang pengalaman pengalaman dan penemuan penemuan baru yang didapati oleh penulis berdasarkan setiap bab yang dikaji, dan diakhiri dengan saranan saranan yang dirasakan perlu dalam memberi keselesaan kepada kajian di bidang ini.

MALAYA